TAN BENG GHEE

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR STAR
ZAINAL ADZAM H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-11-2002]
1 DISEMBER 2005

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Pencegah Rasuah 1997 - Seksyen 11(a) - Meminta dan menerima suapan - Elemen - Sama ada dibuktikan - Sama ada keterangan SP5 dan pita rakaman boleh dipakai - Sama ada pembelaan perayu ada membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan - Anggapan di bawah s. 42 Akta Pencegah Rasuah 1997 - Sama ada terpakai - Sama ada kes pendakwaan berasaskan keterangan dan bukti yang sahih - Akta Keterangan 1950, s. 114(g) - Sama ada terpakai - Sama ada pihak pendakwaan membuktikan kes pada tahap melampaui keraguan munasabah pada akhir kes pendakwaan*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan - Kesalahan di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997, s. 11(a) - Perayu didapati bersalah meminta dan menerima suapan - Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen - Isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu - Sama ada keterangan SP5 dan pita rakaman boleh dipakai - Sama ada pembelaan perayu ada membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan - Anggapan di bawah s. 42 Akta Pencegah Rasuah 1997 - Sama ada terpakai - Sama ada kes pendakwaan berasaskan keterangan dan bukti yang sahih - Akta Keterangan 1950, s. 114(g) - Sama ada terpakai - Sama ada pihak pendakwaan membuktikan kes pada tahap melampaui keraguan munasabah pada akhir kes pendakwaan*

KETERANGAN: *Beban pembuktian - Imbangan kebarangkalian - Kesalahan di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997, s. 11(a) - Pendakwaan telah membuktikan suapan telah diterima oleh tertuduh - Anggapan di bawah s. 42 Akta Pencegah Rasuah 1997 terpakai - Sama ada keterangan SP5 dan pita rakaman boleh dipakai - Sama ada pembelaan perayu ada membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan - Sama ada kes pendakwaan berasaskan keterangan dan bukti yang sahih - Akta Keterangan 1950, s. 114(g) - Sama ada terpakai - Sama ada pihak pendakwaan membuktikan kes pada tahap melampaui keraguan munasabah pada akhir kes pendakwaan*

Perayu dalam rayuan ini telah disabitkan oleh Mahkamah Sesyen di bawah s. 11(a) Akta Pencegah Rasuah 1997 ('Akta') kerana secara rasuah telah menyetuju terima RM50,000 daripada SP5 sebagai dorongan membantu SP5 mendapatkan kelulusan ke atas sistem bekalan air bagi projek perumahan yang dikendalikan oleh syarikat SP5. Akibat sabitan tersebut, perayu dihukum penjara tiga tahun dan didenda RM250,000 dan jika gagal bayar dipenjara dua tahun. Isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu adalah (i) sama ada keterangan SP5 dan rakaman pita perlu ditolak; (ii) anggapan di bawah s. 42 Akta; (iii) sama ada pembelaan perayu tidak dipertimbangkan; (iv) sama ada s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai kerana kegagalan memanggil saksi relevan (v) sama ada fakta-fakta yang meringankan tidak diambilkira dalam hukuman. Menurut perayu, Mahkamah Sesyen telah gagal membuat keputusan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kes pada tahap melampaui keraguan munasabah pada akhir kes pendakwaan.

Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan hukuman oleh Mahkamah Sesyen ke atas perayu):

(1) Keterangan SP5 boleh dipercayai dan disokong dengan keterangan-keterangan yang lain seperti pita rakaman P28. Perbualan antara SP5 dan perayu secara keseluruhannya jelas menyokong versi SP5 bahawa perjumpaan pada 11 Jun 1998 di plaza tol Gurun adalah untuk penyerahan pelan-pelan yang telah diluluskan kepada SP5 oleh perayu dengan syarat SP5 membawa wang yang telah dipersetujui antara mereka. Urusan yang dibincangkan merupakan urusan rasmi kerajaan dan urusan sedemikian tidak sepatutnya dilakukan tersorok-sorok di luar masa pejabat dan di tempat seperti bilik air plaza tol. Mengenai anggapan di bawah s. 42 Akta, mahkamah ini setuju dengan Mahkamah Sesyen bahawa daripada keterangan yang dikemukakan, dua unsur di bawah s. 11(a) Akta, iaitu suapan telah diterima oleh perayu dan semasa penerimaan suapan itu perayu adalah seorang penjawat awam telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Perkara penerimaan suapan dibuktikan melalui SP5 dan, yang pentingnya, disokong dengan keterangan mengenai latarbelakang perbincangan antara SP5 dan perayu mengenai penyerahan wang suapan itu sepertimana dirakamkan dalam pita rakam. (perenggan 3, 5 & 6)

(2) Alasan perayu bahawa SP5 yang masukkan sampul mengandungi wang suapan dalam 'glove compartment' keretanya serta perayu tidak ada masa atau peluang halang SP5 berbuat demikian tidak meyakinkan. Ini adalah sebab perayu mengaku dia menunjukkan kepada pegawai Badan Pencegah Rasuah mengenai wang berada di glove compartment keretanya. Juga perayu menandatangani dan mengesahkan bahawa kesemua 50 wang note RM1,000 dalam sampul surat bertingkap 'diserah oleh OKT dengan tangan kiri yang diambil dari dashboard kereta KAN 110'. Latarbelakang mengenai rancangan perayu untuk menetapkan perjumpaan dengan SP5 di plaza tol Gurun menyangkal pembelaan perayu ini. Seterusnya, keterangan perayu meragukan dan tidak meyakinkan. Pihak perayu tidak dapat membangkitkan apa-apa perkara yang menunjukkan bahawa SP5 mempunyai motif yang jahat terhadap perayu. Begitu juga dengan keterangan – keterangan pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah yang telah menjalankan tugas-tugas mereka. Tiada apa-apa percanggahan yang material dalam keterangan keseluruhan mereka dalam kes ini. Mahkamah Sesyen telah tepat dalam ketetapannya bahawa pembelaan perayu tidak membangkitkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. (perenggan 12 & 13)

(3) Dalam keadaan di mana pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes tahap yang melebihi keraguan yang munasabah, kegagalan memanggil seorang saksi, kakak kepada SP5 tidak membangkitkan apa-apa anggapan menjejaskan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950. Yang penting ialah bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap perayu melampaui tahap apa-apa keraguan yang munasabah. Seterusnya, kegagalan membuat laporan polis sekalipun tidak semestinya membawa parah kepada kes pendakwaan sekiranya kes pendakwaan adalah berasaskan keterangan dan bukti-bukti yang sahih. (perenggan 15 & 17)

(4) Mengenai hukuman yang dikenakan terhadap perayu, Mahkamah Sesyen telah memberikan hukuman yang terlalu ringan. Perayu merupakan pegawai kerajaan yang sepatutnya menjalankan tugas-tugas rasminya secara penuh amanah dan jujur. Walaubagaimanapun mahkamah tidak bercadang untuk menambahkan hukuman terhadap perayu. Ianya merupakan

A budibicara Mahkamah Sesyen dan hukuman tersebut tidak menyalahi apa-apa prinsip undang-undang mengenai hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan yang dihadapi oleh perayu. (perenggan 18)

B **Kes-kes yang dirujuk:**
Abdullah Zawawi Omar v. PP [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 SC ***(dirujuk)***
Dato Seri Anuar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2003] 4 CLJ 409 CA ***(dirujuk)***
Noorianti Zainol Abidin & Ors v. Tang Lei Nge [1990] 1 CLJ 943; [1990]
C *2 CLJ (Rep) 545 HC* ***(dirujuk)***
PP v. Ishak Hj Shaari & Other Appeals [2003] 3 CLJ 843 CA ***(dirujuk)***
PP v. Yuvaraj [1968] 1 LNS 116 ***(dirujuk)***
Thavanathan Balasubramaniam v. PP [1997] 3 CLJ 150 FC ***(dirujuk)***

D **Perundangan yang dirujuk:**
Anti-Corruption Act 1997, ss. 11(a), 42, 422
Criminal Procedure Code, s. 422
Evidence Act 1950, s. 114(g)

Bagi pihak perayu - Peter Siew
E *Bagi pihak responden - Murtazadi Amran TPR*

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

F **PENGHAKIMAN**

Zainal Adzam H:

[1] Perayu dalam rayuan ini telah disabitkan oleh Mahkamah Sesyen, Sungai Petani di bawah s. 11(a) Akta Pencegah Rasuah
G 1997 ("Akta") kerana secara rasuah telah menyetuju terima RM50,000 daripada SP5 sebagai dorongan membantu SP5 mendapatkan kelulusan ke atas sistem bekalan air bagi projek perumahan yang dikendalikan oleh syarikat SP5. Akibat sabitan tersebut perayu dihukum penjara tiga tahun dan didenda
H RM250,000, gagal bayar dipenjara selama dua tahun.

[2] Kes bagi pihak pendakwaan adalah seperti dinyatakan dalam alasan penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen. Secara ringkas isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu adalah seperti berikut:

I

1. Keterangan SP5;
2. Rakaman pita;
3. Anggapan dibawah s. 42 Akta;
4. Pembelaan perayu tidak ditimbangkan dengan sempurna;
5. Beban pembuktian;
6. Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai kerana kegagalan memanggil kakak SP5; dan
7. Fakta -fakta yang meringankan tidak diambilkira dalam hukuman.

[3] Mengenai kepercayaan keterangan SP5, daripada rekod rayuan, pemeriksaan balas ke atas SP5 oleh peguambela perayu telah ditangguh selepas tujuh saksi-saksi pendakwaan dipanggil atas permohonan peguambela perayu. Ianya adalah untuk membolehkan pita-pita rakaman dibuktikan oleh pihak pendakwaan melalui saksi-saksi yang lain terlebih dahulu. Walaupun pemeriksan balas SP5 adalah selepas saksi-saksi tersebut, keterangannya masih konsisten. SP5 telah disoalbalas dengan teliti oleh peguambela perayu. Selepas meneliti rekod rayuan saya dapati bahawa keterangan SP5 boleh dipercayai dan disokong dengan keterangan-keterangan yang lain seperti pita rakaman P28. Mengenai transkripsi pita rakaman (P39) tersebut, ianya jelas menunjukkan bahawa satu hari sebelum tarikh kejadian SP5 tanya perayu mengenai kelulusan pelan-pelan. SP5 memberitahu perayu mengenai perlunya mendapatkan wang daripada bank terlebih dahulu. Masa dan tempat berjumpa dibincang dan dicadangkan oleh perayu dan perayu menyatakan "... big note aa not small one aaa ..." apabila SP5 tanya mengenai wang yang perlu dibawa oleh SP5. Perayu berminat dan berbincang dengan SP5 mengenai pengeluaran wang daripada bank oleh SP5 dan dengan jelas sebagai cakap balas minta SP5 bawa "big note" bukan "small note". SP5 mengingatkan perayu membawa pelan-pelan yang diluluskan dan perayu setuju membawanya.

[4] Dalam pemeriksaan balas SP5 tiada langsung dicadangkan oleh pihak perayu bahawa SP5 yang minta pertolongan daripada perayu untuk membawa pelan-pelan yang telah dilulus ke tol plaza Gurun hari berkenaan. Apa yang dicadangkan kepada peguambela kepada SP5 adalah, "... Saya katakan jika OKT ada nasihat kamu

A dia hanya tolong sahaja dan tidak berniat untuk ambil apa-apa daripada kamu ..." (ms 287 rekod rayuan). Cadangan ini bercanggah dengan perbualan antara perayu dan SP5 sepertimana dirakamkan pada 10 Jun 1998. Dalam perbincangan tersebut perayu bersusah payah menentukan bahawa tempat perjumpaan
B mereka ditentukan tempat yang khas, iaitu, dekat bilik air di plaza tol Gurun. Perayu tolak cadangan SP5 apabila dicadangkan tempat seperti Pizza Hut iaitu dekat bank SP5. Perayu mencadangkan bahawa bilik air plaza tol Gurun sebagai "... That is the best place ..." (P39).

C

[5] Selain daripada itu, mengenai wang yang perlu dibawa oleh SP5, perayu mencadangkan SP5 membawa wang tunai dalam denominasi "... Big note aa ..." dan "... Big note aa not small one aa ..." (39). Perbualan antara SP5 dan perayu secara
D keseluruhannya jelas menyokong versi SP5 bahawa perjumpaan pada 11 Jun 1998 di plaza tol Gurun adalah untuk penyerahan pelan-pelan yang telah diluluskan kepada SP5 oleh perayu dengan syarat SP5 membawa wang yang telah dipersetujui antara mereka. Perbincangan pada keseluruhannya tidak menunjukkan bahawa
E perayu hanya hendak menolong SP5 dalam penyerahan pelan-pelan yang telah diluluskan. Urusan yang dibincangkan merupakan urusan rasmi Kerajaan dan urusan sedemikian tidak sepatutnya dilakukan tersorok-sorok di luar masa pejabat dan di tempat seperti bilik air plaza tol. Tiada sebab kenapa urusan berkenaan tidak boleh
F dilakukan di pejabat rasmi perayu. Pelan-pelan tersebut telah diluluskan dan secara rasmi lima bulan sebelum tarikh kejadian dan SP5 sedar mengenainya. Walau bagaimanapun, perayu tidak langsung nasihat SP5 atau SP4 datang ke pejabatnya dengan segera untuk mengambil pelan-pelan tersebut. SP4 dan SP5 tidak disoal
G mengenai perkara ini.

[6] Pihak perayu menghujah bahawa keterangan SP5 perlu ditolak kerana keterangannya bagi pertuduhan pertama tidak diterima dan perayu dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen. Bezanya keterangan SP5 bagi pertuduhan pertama dan kes
H rayuan ini ialah bahawa dalam kes pertuduhan pertama keterangan SP5 tidak ada apa-apa keterangan sokongan yang lain. Keputusan Mahkamah Sesyen menolak pertuduhan pertama dalam keadaan sedemikian adalah tepat. Dalam kes rayuan ini keterangan SP5
I disokong dengan keterangan-keterangan yang lain sepertimana dinyatakan sebelum ini (*Thavanathan Balasubramaniam v. PP* [1997]

3 CLJ 150). Mengenai anggapan di bawah s. 42 Akta, saya setuju dengan Mahkamah Sesyen dan penghujahan pihak responden bahawa daripada keterangan yang dikemukakan kepada mahkamah, dua unsur dibawah s. 11(a) Akta, iaitu, suapan telah diterima oleh perayu dan semasa penerimaan suapan itu perayu adalah seorang penjawat awam telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Kehendak-kehendak ini dinyatakan dalam kes *PP v. Yuvaraj* [1968] 1 LNS 116. Perkara penerimaan suapan dibuktikan melalui SP5 dan, yang pentingnya, disokong dengan keterangan mengenai latarbelakang perbincangan antara SP5 dan perayu mengenai penyerahan wang suapan itu sepertimana dirakamkan dalam pita rakam (P28).

[7] Perayu juga menghujahkan bahawa Mahkamah Sesyen telah gagal membuat keputusan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kes pada tahap melampaui "keraguan munasabah" pada akhir kes pendakwaan. Mengenai beban pembuktian, yang penting dalam kes ini ialah bahawa selepas meneliti keseluruhan rekod rayuan saya dapati banyak keterangan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya yang melebihi tahap keraguan menasabah dan pihak perayu telah gagal membangkitkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Walaupun Hakim Mahkamah Sesyen tidak menyatakan beban pembuktian pada akhir kes pendakwaan, Hakim tersebut ada menyatakan bahawa "... OKT gagal menyangkal anggapan dibawah s. 42 Akta Pencegah Rasuah 1997 ..." (m/s 41 rekod rayuan) dan "... Oleh yang demikian, saya memutuskan bahawa pembelaan OKT telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan ..." (m/s 387 rekod rayuan). Atas sebab keterangan-keterangan yang dibuktikan oleh pihak pendakwaan dalam kes ini, saya setuju dengan penghujahan pihak responden bahawa keadaan boleh diperbetulkan dibawah s. 422 Kanun Acara Jenayah dan berasaskan prinsip-prinsip dalam kes *PP v. Ishak Hj. Shaari & Other Appeals* [2003] 3 CLJ 843, 859 di mana Mahkamah Rayuan telah menyatakan sedemikian:

> Section 422 of the CPC is couched in comprehensive form. Sub-section (a) of the section only states "any error, omission or irregularity ..." It does not mention "illegality". Be that as it may, as stated by case law, the distinction drawn in many of the cases in India between an illegality and an irregularity is one of 'degree' rather than of 'kind'. To our mind, the non-mention of 'illegality' in the sub-section reflects the wisdom of Parliament in that, the

court is given the discretion to decide whether in a particular case any error, omission or irregularity is curable but with the caveat that such error, omission or irregularity has not occasioned a failure of justice. And in the exercise of that discretion it is incumbent on the court to have regard to the promotion of the basic principle on which the CPC is based in the light of case law. Therefore, the errors in the judgments in the form of a misdirection on the standard of proof in these appeals should not be struck down automatically as illegalities, or as it were, by rule of thumb without first considering whether the accused has had a full and fair trial along certain well-established and well-understood lines that accord with our notions of natural justice and thereafter, to decide whether the misdirection has occasioned a failure of justice otherwise the intention of Parliament in enacting s. 422 is defeated.

[8] Mengenai pita rakaman (P28) saya dapati tiada sebab kenapa ianya tidak patut diterima hanya kerana perayu telah menyatakan bahawa perbualan adalah selama 15 minit dan saksi pendakwaan telah menyatakan selama lapan minit. Kedua-dua saksi memberi pandangan dan anggapan mereka mengenai masa percakapan dalam pita itu tanpa apa-apa rekod mengenai masa sebenar mengikut jam. Perbualan tersebut dirakamkan dalam pita asal tersebut dan dikemukakan sebagai exhibit di mahkamah. Rakaman itu dijalankan secara teratur dan lengkap. Yang penting adalah kandungan sebenar rakaman tersebut dan bukan anggapan-anggapan mengenai masa rakaman itu.

[9] Dalam pemeriksaan utama perayu telah menyatakan bahawa dia telah telefon SP4 dan SP5 memberitahu mereka bahawa pelan telah diluluskan dan tanya mereka sama ada pelan dan P9 akan dihantar kepada mereka secara pos atau mereka akan datang mengambil pelan dan P9 itu sendiri (ms 340 rekod rayuan). Mengikut perayu SP4 menjawab bahawa dia akan datang kutip sendiri dan menyuruh perayu jangan hantar kerana takut hilang jika hantar dengan pos (ms 341 rekod rayuan). Selepas itu mengikut perayu dia meletakkan pelan dan P9 dalam despatch rack supaya kerani boleh ambil dan beri kepada SP4 atau SP5 jika dia tiada (ms 341 rekod rayuan). Perayu juga menyatakan bahawa dia ada beritahu SP5 bahawa SP4 boleh datang kutip pelan di pejabatnya tetapi SP5 suruh perayu bawa pelan kepadanya.

[10] Versi perayu seperti dinyatakan tidak meyakinkan dan tidak munasabah. Kenyataan-kenyataan tersebut tidak dicadangkan langsung kepada SP4 dan SP5 semasa mereka disoalbalas. Jika benar perayu ada minta SP4 atau SP5 datang ke pejabatnya untuk mengambil pelan tersebut sudah tentu SP5 atau SP4 telah lama mengambilnya daripada perayu di pejabatnya. Pejabat SP4 hanya 1/2 kilometer daripada pejabat perayu. Sebenarnya tiada sebab SP4 atau SP5 perlu takut pelan dipos kerana ianya boleh diambil dalam beberapa minit sahaja oleh SP5 atau SP4 di pejabat perayu. SP4 dan SP5 sebelum itu telah pernah pergi berurusan dengan perayu di pejabatnya. Jika benar bahawa perayu hanya hendak tolong SP5 dalam penyerahan pelan itu, kenapa perlunya berbincang panjang lebar mengenai tempat penyerahan, wang tunai yang perlu SP5 bawa bersamanya dan tempat perjumpaan yang tersorok.

[11] Penyerahan pelan tersebut yang merupakan satu urusan rasmi Kerajaan boleh dan patut dilakukan di pejabat perayu dan akan mengambil masa beberapa minit sahaja. Sebenarnya begitulah amalan urusan penyerahan dan mengutip pelan daripada JKR Alor Star, iaitu, di pejabat perayu. Ini dinyatakan oleh perayu sendiri dalam pemeriksaan balasnya (ms 354 & 355 rekod rayuan):

> Amalan JKR Alor Setar, sesuatu permohonan daripada kontraktor akan dihantar dengan tangan iaitu kontraktor akan datang sendiri dan ambil pelan di pejabat. Semasa kontraktor datang ambil pelan-pelan itu, mereka akan datang jumpa dengan saya biasanya. Mereka akan datang jumpa saya kerana pada kebiasaannya apabila sesuatu projek dilulus oleh Engineer, pelan itu akan saya ambil dan rekod dalam buku dan saya akan simpan pelan itu dalam envelope dan letakkan dalam despatch rack.

Amalan tersebut juga ternyata dalam surat "Permohonan Kelulusan Pelan Sistem Bekalan Air" (P3) dan salinannya (P4A) di perenggan terakhir sebagai berikut:

> Tuan diminta hadir ke pejabat ini untuk mengambil balik pelan-pelan dengan kira-kira reka bentuk tidak lewat daripada dua (2) minggu dari tarikh surat ini.

[12] Alasan perayu bahawa SP5 yang masukkan sampul mengandungi wang suapan dalam "glove-compartment" keretanya serta buka pintu kereta dan keluar bahawa perayu tidak ada masa atau peluang halang SP5 berbuat demikian juga tidak meyakinkan.

Ini adalah sebab perayu mengaku dia menunjukkan kepada pegawai Badan Pencegah rasuah (SP5) mengenai wang berada di glove-compartment keretanya. Juga perayu menandatangani P20A hingga D mengesahkan bahawa kesemua 50 wang note RM1,000 dalam sampul surat bertingkap"Diserah oleh OKT dengan tangan kiri yang diambil dari "Dash Board kereta KAN 110". "Dash board" tersebut dijelaskan oleh saksi pendakwaan (SP9) bermaksud "glove-compartment" kereta tersebut. Selain daripada itu, latarbelakang mengenai rancangan perayu untuk menetapkan perjumpaan dengan SP5 di plaza tol Gurun menyangkal pembelaan perayu ini.

[13] Mengenai pembelaan perayu dalam kes ini, beberapa perkara dalam keterangan keseluruhannya tidak menyokong versi perayu. Pertama, Hakim Mahkamah Sesyen telah mendengar dan memerhati perayu memberi keterangan. Hakim Mahkamah Sesyen telah menyatakan, antaranya, bahawa keterangan perayu meragukan, tidak meyakinkan, keterangan perayu "evasive" dengan contoh-contoh, keterangan perayu campur-aduk dengan rekaan atau pembelaannya adalah "after-thought". Beberapa perkara dalam rakaman percakapan antara SP5 dan perayu pada 10 Jun 1998 telah disentuh sebelum ini dan didapati bahawa versi perayu tidak meyakinkan. Pihak perayu tidak dapat membangkitkan apa-apa perkara yang menunjukkan bahawa SP5 mempunyai motif yang jahat terhadap perayu. Begitu juga dengan keterangan-keterangan pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah yang bukan bertindak seorang tetapi beberapa orang dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Tiada apa-apa percanggahan yang material dalam keterangan keseluruhan mereka dalam kes ini. Dalam keadaan sedemikian, saya dapati bahawa Mahkamah Sesyen telah tepat dalam ketetapannya bahawa pembelaan perayu tidak membangkitkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan.

[14] Berasaskan perkara-perkara sepertimana dinyatakan saya dapati bahawa antara versi SP5 dan versi perayu, versi SP5 adalah lebih berkemungkinan. Pertimbangan sedemikian selaras dengan prinsip mentafsir keterangan sepertimana dinyatakan oleh kes *Noorianti Zainol Abidin & Ors v. Tang Lei Nge* [1990] 1 CLJ 943; [1990] 2 CLJ (Rep) 545:

It is useful to pause here for a moment to say a few words regarding the approach which a trial judge should adopt in evaluating the evidence adduced at a trial. It has been stated in numerous cases that the fact that the evidence given by the witnesses of one party was unshaken or unbroken is not *per se* an all sufficient acid test of credibility and that the inherent probability or improbability of the fact in issue must be the prime consideration – see for instance *Muniandy & Ors v. PP* [1966] 1 LNS 110; [1966] 1 MLJ 257, *Dato Mokhtar bin Hashim v. PP* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101 and *PP v. Neoh Wan Kee* [1985] 1 MLJ 368 at p. 372. It has also been said that a trial judge should not approach the case upon the basis of deciding which of the two conflicting stories he should believe but rather on the basis of considering which version is inherently probable or improbable – see for instance *Koay Teik Choo & Ors v. R* [1956] MLJ 52. With these principles in mind I shall assess the evidence in the present case.

[15] Dalam keadaan di mana pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes tahap yang melebihi keraguan yang munasabah, kegagalan memanggil kakak SP5 tidak membangkitkan apa-apa anggapan menjejaskan dibawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950. Yang penting ialah bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap perayu melampau tahap apa-apa keraguan yang menasabah (*Abdullah Zawawi Omar v. PP* [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19). Mengenai penghujahan pihak perayu bahawa ada percanggahan mengenai keterangan SP5 bahawa perayu telah minta wang suapan RM120,000 dengan wang dalam perangkap hanya RM50,000, perkara tersebut telah dijelaskan oleh SP6, Pengarah Badan Pencegah Rasuah Kedah, bahawa pada masa itu pejabatnya hanya ada RM50,000 sahaja walaupun dia telah berusaha mendapatkan wang RM120,000 (ms 101 rekod rayuan).

[16] Mengenai kelewatan SP5 membuat laporan (P15) kepada Badan Pencegah Rasuah, mengikut SP5 perayu minta wang suapan RM120,000 pada bulan Oktober atau November 1997 dan laporan dibuat pada 28 Mei 1998. Kes-kes yang dikemukakan oleh perayu mengenai kelewatan membuat laporan boleh dibezakan dengan keadaan dalam kes ini. Laporan yang dipersoalkan mesti dikaitkan dengan kesalahan yang telah berlaku. Sekiranya laporan dibuat selepas tempoh masa yang agak lama selepas kesalahan telah dilakukan sehingga memberi ruang untuk saksi mereka-reka versi keterangan mereka, mahkamah perlu melihatkan keterangan

saksi dengan berhati-hati. Dalam kes rayuan ini kesalahan berlaku selepas laporan dibuat kepada Badan Pencegah Rasuah oleh SP5 bukan sebelum laporan dibuat. Kesalahan adalah menerima suapan RM50,000. Apabila SP5 membuat laporan kepada Badan Pencegah Rasuah, mereka bertindak dengan segera dan mengaturkan beberapa rakam telefon antara SP5 dan perayu untuk mengesahkan aduan SP5.

[17] Rayuan ini tiada kaitan dengan pertuduhan pertama mengenai kesalahan yang kononnya dilakukan oleh perayu antara Oktober hingga November 1997. Sepertimana dinyatakan sebelum ini penolakkan pertuduhan pertama itu oleh Mahkamah Sesyen adalah tepat kerana kekurangan keterangan mengenai kesalahan berkenaan. Bagi kesalahan dalam rayuan ini tiada peluang bagi saksi-saksi pendakwaan yang berkenaan termasuk SP5 untuk mereka-reka bagi kesalahan berkenaan. Keterangan SP5 disokong dengan keterangan-keterangan oleh pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah serta rakan perbualan semasa antara SP5 dan perayu (P28). Perayu sendiri dalam pemeriksaan balas akui apa yang dirakamkan dalam P28 itu. Oleh yang demikian saya dapati bahawa penghujahan perayu atas isu ini tidak ada merit. Saya setuju dengan penghujahan pihak pendakwaan bahawa kegagalan membuat laporan polis sekalipun tidak semestinya membawa parah kepada kes pendakwaan sekiranya kes pendakwaan adalah berasaskan keterangan dan bukti-bukti yang sahih. Mahkamah Rayuan telah dalam kes *Dato Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal* [2003] 4 CLJ 409 menyatakan sedemikian:

> At any rate, failure to lodge a police report is not fatal to the prosecution and it is not a prerequisite for the commencement of an investigation by the police. After all at best, a police report is either to show consistency or to contradict an informant's evidence in court (see *Apren Joseph v. State of Kerala* [1973] Cri LJ 185; *Hairani bin Sulong v. Public Prosecutor* [1993] 2 CLJ 79). In the case of *Public Prosecutor v. Foong Chee Cheong* [1969] 1 LNS 128, it was held that ... However important a document a first information report is, it can never be treated as a piece of substantive evidence and the fact that no first information report was made is not in itself a ground for throwing out a case.' Per Gill J (as he then was) at p 97. In our view that it is a correct expression of the law on the point ...

[18] Akhir sekali mengenai hukuman yang dikenakan terhadap perayu, jika Mahkamah Sesyen telah buat kesilapan ianya hanya bahawa hukuman yang dikenakan terlalu ringan. Ini memandangkan bahawa perayu merupakan pegawai Kerajaan yang sepatutnya menjalankan tugas-tugas rasminya secara penuh amanah dan jujur. Walau bagaimanapun saya tidak bercadang untuk menambahkan hukuman terhadap perayu hanya kerana hukuman dalam pandangan saya terlalu ringan oleh sebab ianya merupakan budibicara Mahkamah Sesyen dan hukuman tersebut tidak menyalahi apa-apa prinsip undang-undang mengenai hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan yang dihadapi oleh perayu.

[19] Berasaskan semua perkara-perkara yang dinyatakan rayuan ini ditolak dan hukuman oleh Mahkamah Sesyen ke atas perayu dikekalkan.